Pada 3 Januari 2006 Bahagian Penguinkuasa dan Pengawal Keselamatan termasuk sebahagian Jabatan Undang-Undang. Pada masa tersebut, Jabatan Undang-Undang diketuai oleh seorang Pengarah dan mempunyai seramai seratus tujuh puluh lapan orang kakitangan yang terdiri daripada dua orang Penolong Pengarah, dua orang Pembantu Undang-Undang, seorang Penolong Pegawai Tadbir, tiga orang Penolong Pegawai Penguinkuasa, tujuh orang Pegawai Kerani, seratus empat puluh satu Pembantu Penguinkuasa (Polis Bantuan seramai dua puluh sembilan orang), sembilan belas orang pengawal keselamatan, seorang Jurutaip, dua orang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.


Mulai 1 Julai 2010, Bahagian Penguinkuasa dan Keselamatan dikeluarkan dari Jabatan Undang-Undang manakala Polis Bantuan dikekalkan di Jabatan Undang-Undang. Walau bagaimanapun mulai 1 April 2016 Unit Polis Bantuan telah dipisahkan dari Jabatan Undang-Undang dan ditempatkan di Direktorat Penguinkuasaan. Kini Jabatan Undang-Undang hanya mengendalikan hal ehwal perundangan sahaja. Terdapat lima unit di bawah pentadbiran Jabatan Undang-Undang iaitu Unit Pentadbiran, Perjanjian, Gubalan, Pandangan Undang-Undang dan Litigasi.

CARTA ORGANISASI JABATAN UNDANG-UNDANG



CARTA ORGANISASI JABATAN UNDANG-UNDANG

Carta Organisasi (pecahan Bahagian / Unit sahaja)



PERANAN DAN FUNGSI JABATAN

2. PERANAN / FUNGSI JABATAN

i. Fungsi Jabatan

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk Majlis, menyemak semua dokumen perundangan dan surat perjanjian serta menguatkuaskan undang-undang di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Antara tugas lain di Jabatan Undang-Undang ialah menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MPSP, serta bantuan prosiding Mahkamah Munisipal.

ii. Objektif Jabatan

Memastikan warga Seberang Perai benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi, menghargai dan menghormati undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai.

iii. Undang-Undang/peraturan yang digunakan :

- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
- Akta Makanan 1983

- Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Akta Zon Bebas 1990
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Warisan Kebangsaan 2015

UNDANG-UNDANG KECIL, KAEDAH, PERINTAH DAN ENAKMEN YANG TELAH DIWARTAKAN


- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
- Undang-Undang Kecil [Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan] Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
- Undang-Undang Kecil [Larangan Merokok Dalam Panggung] Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil [Rumah Urut] Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil [Mengkompaun Kesalahan-kesalahan] Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
- Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1982
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan [Iklan Pilihanraya] [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1990
- Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1990
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan [Am] 1990
- Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1991
- Undang-Undang Kecil Penjaja [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1991
- Undang-Undang Kecil Taman [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1992
- Undang-Undang Kecil Vandalisme [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1993
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1993
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap [Majlis Perbandaran Seberang Perai] 1994
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan [Am] 1990
- Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan [Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan] 1989
- Kaedah-Kaedah Rancangan Tempatan 1989
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan [Pulau Pinang] 2015
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
- Enakmen Kebebasan Maklumat 2010
- Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011
- Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983

- Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995

LAPORAN PRESTASI UNIT PENTADBIRAN

A. CARTA ORGANISASI UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Tadbir Kanan, seorang Penolong Pegawai Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Kanan, dua orang Pembantu Tadbir dan dibantu oleh seorang Pembantu Operasi



B. TUGAS-TUGAS UNIT PENTADBIRAN :

Unit ini ditugaskan menguruskan pentadbiran am Jabatan seperti:

- Menyelaraskan kes-kes sivil terhadap dan oleh MPSP,
- Melantik panel peguam Majlis,
- Menguruskan inventori Jabatan,
- Menyelenggara rekod cuti dan tatatertib kakitangan Jabatan Undang-undang dan Mahkamah Municipial,
- Menguruskan bil-bil Jabatan,
- Menguruskan belanjawan Jabatan,
- Mengendalikan aduan Jabatan,
- Mengurus dan menyelenggara fail-fail Jabatan,
- Memantau pelaksanaan Piagam Pelanggan dan Kualiti Jabatan,
- Membuat semakan perjanjian di bawah pemantauan Unit Perjanjian dan,
- Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian yang sempurna.

C. PENCAPAIAN UNIT-UNIT PENTADBIRAN BAGI TAHUN 2016

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian prestasi semua proses kerja yang telah dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran bagi Tahun 2016 :-

BIL	PERKARA	JUMLAH	
		Tahun	
		2015	2016
1.	Menyelenggara rekod cuti serta disiplin dan tatatertib untuk kakitangan Jabatan Undang-Undang termasuk Mahkamah.	1500 rekod	3600 rekod
2.	Menguruskan inventori <ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan pengurusan stok 	871 urusan	783 urusan
3.	Mengurus bil-bil bayaran perbelanjaan Jabatan <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Penginapan dan pengangkutan Pegawai • Bayaran pembelian buku, warta, majalah, dokumen perundangan • Kes-kes rujukan autoriti • Penyelenggaraan sistem "online" perundangan (Lawnet, MLJ & CLJ) • Pembayaran kepada Pembekal 	66 bil [RM140,233.78]	82 bil [RM658,004.20]
4.	Mengurus fail-fail aktif Jabatan <ul style="list-style-type: none"> • Ambil fail • Rekod minit • Tentukan jenis fail 	898 fail	890 fail
5.	Surat-menjurat (surat keluar dan surat masuk) dan jawapan	9,408 surat	9,878 surat
6.	Menguruskan aduan melalui Sistem Aduan MPSP dan surat	9,408 surat	9,878 surat
7.	Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian (bekalan, perkhidmatan dan sistem teknologi maklumat) yang telah dimuktamadkan	272 dokumen	314 dokumen
8.	Laporan butiran belian minyak (sebulan sekali)	12 kali [31,317.38]	12 kali [22,968.52]
9.	Penyediaan kronologi kes sivil	16 kes	7 kes

BIL	PERKARA	JUMLAH	
		Tahun	
		2015	2016
10.	Menguruskan kes-kes cukai taksiran • 8 orang panel peguam	2 kes (yang diteruskan dengan tindakan mahkamah) 54 kes (notis tuntutan)	2 kes (yang diteruskan dengan tindakan mahkamah) 9 kes (notis tuntutan)
11.	Menguruskan panel peguam MPSP	7 firma	10 firma
12.	Maklumbalas mesyuarat	176 maklumbalas	114 maklumbalas

Pada tahun 2016, unit ini telah menerima sebanyak 265 perjanjian untuk disemak dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 100% semakan perjanjian.


LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2016

BIL	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1.	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 14 hari . (Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)	265	251	2	12	0	98

LAPORAN PRESTASI UNIT PERJANJIAN

A. CARTA ORGANISASI UNIT PERJANJIAN

Unit Perjanjian terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Undang-Undang dan dibantu oleh tiga orang Pembantu Tadbir.



B. TUGAS-TUGAS UNIT PERJANJIAN

1. Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.

C. PENCAPAIAN UNIT PERJANJIAN BAGI TAHUN 2016

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian prestasi semua proses kerja yang telah dilaksanakan oleh Unit Perjanjian bagi Tahun 2016 :


BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	SENARAI PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MPSP (Tidak termasuk Perjanjian Penyewaan)	
1.	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	3
2.	Jabatan Khidmat Pengurusan	24
3.	Jabatan Perbendaharaan	6
4.	Jabatan Kemasyarakatan	4
5.	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	5
6.	Jabatan Pelesenan	3

BIL	PERKARA	JUMLAH
7.	Jabatan Kejuruteraan	121
8.	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	7
9.	Jabatan Undang-Undang	1
10.	Jabatan Bangunan	1
11.	Direktorat Penguatkuasaan	3
12.	Jabatan Perancang Bandar	-
13.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-
14.	Jabatan Landskap	30
15.	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	2
16.	Bahagian Teknologi Maklumat	34
17.	Unit Audit Dalaman	-
18.	Unit One Stop Centre (OSC)	-
19.	Unit Butterworth Baharu	1
JUMLAH		245

LAPORAN PRESTASI UNIT GUBALAN

A. CARTA ORGANISASI UNIT GUBALAN

Unit Gubalan terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Undang-Undang dan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir.



B. TUGAS-TUGAS UNIT GUBALAN :

1. Pewartaan undang-undang kecil, bajet MPSP, penyata kewangan tahunan dan laporan audit MPSP, cagaran yang tidak dituntut, notis dan pemberitahuan.
2. Meminda, menggubal dan memansuhkan undang-undang kecil, peraturan, perintah, kaedah, notis dan pemberitahuan.

C. PENCAPAIAN UNIT GUBALAN BAGI TAHUN 2016

Jadual berikut menyenaraikan pencapaian Unit Gubalan bagi tahun 2016.


BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	NOTIS TUNTUTAN <ul style="list-style-type: none"> • 8 orang panel peguam 	64
2.	NOTIS PEWARTAAN PELUPUSAN KENDERAAN RAMPASAN	
3.	NOTIS TUKARGUNA BANGUNAN (BORANG)	
4.	SURAT-SURAT KUASA <ul style="list-style-type: none"> • Surat Kuasa Di Bawah Arahan Perbendaharaan No. 69 : Kebenaran Bertulis Untuk Menerima Wang – Jabatan Khidmat Pengurusan • Surat Kuasa Di Bawah Arahan Perbendaharaan No. 62 : Pindaan dan pembatalan Resit Rasmi – Jabatan Khidmat Pengurusan • Surat Kuasa Di Bawah Arahan Perbendaharaan No. 129 (A) : Peti Besi Atau Bilik Kebal Kunci Berkombinasi – Jabatan Khidmat Pengurusan • Surat Kuasa Di Bawah Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) : Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 377 (b) – Jabatan Undang-Undang 	
5.	PEWARTAAN BAJET MPSP	1
6.	PEWARTAAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN DAN LAPORAN AUDIT MPSP	1
7.	PEWARTAAN KENDERAAN TIDAK DITUNTUT DARI MPSP <ul style="list-style-type: none"> • Notis Di Bawah Seksyen 116, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bertarikh 14 Mac 2013 	
8.	PEWARTAAN TINDAKAN KELAKUAN DAN TATATERTIB KAKITANGAN MPSP <ul style="list-style-type: none"> • - Penolong Pegawai Senibina (Gred J29 – Jabatan Bangunan) 	1
9.	PEWARTAAN NOTIS JALAN SEHALA DAN TUTUP JALAN <ul style="list-style-type: none"> • Warta Perintah (Lalulintas Sehala) Seberang Perai 2015 	0



LAPORAN PRESTASI UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG

A. CARTA ORGANISASI UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG

Unit Pandangan Undang-Undang terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Undang-undang dan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir.



B. TUGAS-TUGAS UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG:

- Memberi nasihat perundangan kepada MPSP.

C. PENCAPAIAN UNIT-UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG BAGI TAHUN 2016

Jadual berikut menyenaraikan pencapaian Unit Pandangan Undang-Undang bagi tahun 2016.


BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	NASIHAT PERUNDANGAN Kekerapan nasihat perundangan yang dicatit di sini hanya berdasarkan pandangan undang-undang yang diberikan secara bertulis dan direkodkan dalam fail. Ianya tidak termasuk pandangan yang diberikan secara terus (perbincangan/percakapan) di pejabat atau semasa mesyuarat.	
1.	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	9
2.	Jabatan Khidmat Pengurusan	1
3.	Jabatan Perbendaharaan	3
4.	Jabatan Kemasyarakatan	-
5.	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	1
6.	Jabatan Pelesenan	2
7.	Jabatan Kejuruteraan	3
8.	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	2
9.	Jabatan Undang-Undang	-
10.	Jabatan Bangunan	6
11.	Direktorat Penguatkuasaan	7
12.	Jabatan Perancang Bandar	5
13.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-
14.	Jabatan Landskap	2
15.	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	-
15.	Bahagian Teknologi Maklumat	-
16.	Unit Audit Dalaman	-
17.	Unit One Stop Centre (OSC)	-
18.	Pejabat Tuan SUP	7
19.	Pejabat Dato' YDP	3
20.	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan	1
21.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Akaun	1
JUMLAH		53



LAPORAN PRESTASI UNIT LITIGASI

A. CARTA ORGANISASI UNIT LITIGASI

Unit Litigasi terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Undang-Undang, dua orang Penolong Pegawai Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Kanan dan dibantu oleh empat orang Pembantu Tadbir.



B. TUGAS-TUGAS UNIT LITIGASI:

Unit ini ditugaskan menguruskan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai;
2. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
3. Menyedia dan menyemak izin pendakwaan, pertuduhan dan saman.

C. PENCAPAIAN UNIT-UNIT LITIGASI BAGI TAHUN 2016

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Litigasi bagi tahun 2015 dan 2016.

Bulan	2015	2016
Januari	255	293
Februari	278	294
Mac	522	200
April	354	160
Mei	301	160
Jun	559	320

Bulan	2015	2016
Julai	170	282
Ogos	381	358
September	587	308
Oktober	320	280
November	199	301
Disember	181	320
JUMLAH	3,744	3,276

DAFTAR KES KERJA TANAH

Bulan	2015	2016
Januari	0	0
Februari	1	0
Mac	2	0
April	1	2
Mei	4	8
Jun	0	6
Julai	2	4
Ogos	5	1
September	0	0
Oktober	3	1
November	1	2
Disember	0	1
JUMLAH	19	25

DAFTAR KES PELESENAN

Bulan	2015	2016
Januari	6	0
Februari	8	18
Mac	14	2
April	9	4
Mei	6	1
Jun	13	2
Julai	18	5
Ogos	12	0
September	5	3
Oktober	1	1
November	11	1
Disember	0	0
JUMLAH	103	37

DAFTAR KES KERJA TANAH

Kompaun Dikeluarkan	Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
	Jumlah	RM		
2016				
Jan	0	0	0	
Feb	0	0	0	
Mac	0	0	0	
April	0	0	0	
Mei	2	2	-	2
Jun	0	0	0	
Julai	3	3	-	3
Ogos	1	1	-	1
Sept	1	1	-	1
Okt	0	0	0	
Nov	0	0	0	
Dis	0	0	0	
JUMLAH	7	7	-	7

KOMPAUN KERJA TANAH 2015

Kompaun Dikeluarkan	Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
	Jumlah	RM		
2015				
Jan	2	2	2,500.00	-
Feb	-	-	-	1
Mac	4	4	1,000.00	2
April	1	1	250.00	1
Mei	1	1	2,000.00	4
Jun	2	2	3,500.00	-
Julai	1	1	250.00	2
Ogos	-	-	-	5
Sept	-	-	-	3
Okt	-	-	-	3
Nov	-	-	-	1
Dis	-	-	-	-
JUMLAH	11	11	9,500.00	19
				5

KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2016)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BYRN PINJ. (RM)	SALINAN UUK (RM)	KOMPAUN HALANGAN (RM)	KOMPAUN ENK. HIB (RM)	BARANG YANG DIPINDAH KAN	JUMLAH (RM)
JAN	8,725.00	-	-	-	-	-	-		8,725.00
FEB	11,650.00	-	-	-	-	-	-		16,650.00
MAC	3,650.00	250.00	-	-	-	2,700.00	-	5,000.00	19,600.00
APRI	6,400.00	-	-	-	-	-	-	13,000.00	6,400.00
MEI	5,470.00	2,000.00	-	-	-	-	-		7,470.00
JUN	7,950.00	-	7,000.00	-	-	-	-		14,950.00
JUL	3,600.00	-	-	-	-	-	-		3,600.00
OGOS	6,600.00	-	-	-	-	-	-		6,600.00
SEPT	4,650.00	-	-	-	-	-	-		4,650.00
OKT	5,700.00	500.00	-	-	-	-	-		6,200.00
NOV	4,550.00	-	-	-	-	-	-		4,550.00
DIS	4,900.00	-	-	-	-	-	-		4,900.00
JUM	73,845.00	2,750.00	7,000.00	0.00	0.00	2,700.00	0.00	18,000.00	104,295.00

KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2015)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BYRN PINJ. (RM)	R'PASAN (RM)	KOMP. HLGN (RM)	KOMP. ENK. HIB. (RM)	BRG YG DIPINDAH (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	9,280.00	2,500.00	-	49.00	-	-	-	3,000.00	14,829.00
FEB	8,800.00	-	-	1,145.15	-	-	-		9,945.15
MAC	8,000.00	1,000.00	-	2,883.74	-	-	-	2,800.00	14,683.74
APRI	0.00	250.00	-	-	-	-	-		250.00
MEI	1,550.00	2,000.00	-	-	-	-	-		3,550.00
JUN	9,025.00	3,500.00	-	9,772.75	-	-	-		22,297.75
JUL	6,000.00	250.00	-	1,532.05	-	-	-		7,782.05
OGOS	6,575.00	-	-	300.00	-	-	-		6,875.00
SEPT	6,425.00	-	-	-	-	-	-		6,425.00
OKT	6,310.00	-	-	-	-	-	-		6,310.00
NOV	6,550.00	-	-	968.63	-	-	-	5,600.00	13,118.63
DIS	5,600.00	-	-	-	-	-	-		5,600.00
JUM	74,115.00	9,500.00	0.00	16,651.32	0.00	0.00	0.00	11,400.00	111,666.32

JUMLAH KUTIPAN KEW. 38 BAGI TAHUN 2015 DAN 2016

TAHUN	2015 (RM)	2016 (RM)
Letak Kereta	74,115.00	73,845.00
Kerja Tanah	9,500.00	2,750.00
Lesen	-	7,000.00
Bayaran Pinjaman	16,651.32	-
Rampasan	11,400.00	-
Komp. Halangan	-	2,700.00
Kompaun Enakmen Hiburan	-	-
JUMLAH	111,666.32	86,295.00



Prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2016 adalah memuaskan dan berjalan lancar. Dengan wujudnya program transformasi MPSP, sikap dan perubahan positif pemikiran kakitangan secara radikal dalam Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik telah diadaptasikan. Secara tidak langsung Jabatan telah berjaya mencapai objektif dan matlamat Jabatan dalam melaksanakan usaha untuk meningkatkan maklumat perpustakaan ilmu masing-masing mengenai perundangan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Langkah agresif telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan perlaksanaan program transformasi MPSP melalui kursus Tatacara Penguatkuasaan Berkesan, kursus yang melibatkan Akta PBT dan program Bandar Selamat yang memuatkan slot percambahan fikiran berkenaan Akta PBT bersama warga kerja perbandaran serta warga Seberang Perai. Hasilnya, kepekaan dan kesedaran warga perbandaran dan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang juga telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MPSP.

Berdasarkan rekod kesalahan yang acap kali dilakukan oleh warga Seberang Perai mendapati indeks kesalahan semakin berkurangan. Kesimpulannya kedaulatan undang-undang telah berlaku di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.



JABATAN
PERBENDAHARAAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

PRESTASI KEWANGAN MPSP BAGI TAHUN 2016

RINGKASAN UMUM

Pada tahun 2016, Majlis telah mencatat kurangan sebanyak RM24.19 juta, berbanding dengan lebihan sebanyak RM0.19 juta pada tahun 2015. Perbezaan sebanyak RM24.38 juta ini meliputi peningkatan perbelanjaan yang lebih mendadak berbanding dengan peningkatan dalam pendapatan Majlis seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Perbandingan Prestasi Kewangan bagi tahun 2016 dan 2015

KETERANGAN	2016 RM JUTA	2015 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA
PENDAPATAN	237.70	236.27	1.43
PERBELANJAAN	261.89	236.08	25.81
(DEFISIT)/LEBIHAN	(24.19)	0.19	(24.38)


Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan defisit ini termasuk :

- (i) Penurunan hasil Majlis lanjutan daripada pelepasan cukai taksiran kepada pemilik harta kediaman kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung yang berjumlah RM5.93 juta
- (ii) Penurunan hasil lanjutan daripada penukaran cara kutipan bayaran tawaran sumbangan infrastruktur daripada kutipan 100% semasa pelan kebenaran merancang diluluskan kepada kutipan secara berperingkat
- (iii) Peningkatan perbelanjaan lanjutan daripada pelaksanaan kenaikan gaji minimum dan anjakan gaji berkuatkuasa 1 Julai 2016

RINGKASAN PENDAPATAN

Hasil cukai merupakan komponen hasil utama di MPSP. Pada tahun kewangan 2016, hasil cukai meliputi 73% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MPSP. Manakala 23% dan 4% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MPSP terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil, seperti di **Carta 1**.


CARTA 1: KOMPONEN PENDAPATAN BAGI TAHUN 2016



Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis meningkat sebanyak 0.61% kepada RM237.7 juta pada tahun 2016 jika dibandingkan dengan tahun 2015 yang berjumlah RM236.27 juta iaitu perbezaan sebanyak RM1.43 juta.

RINGKASAN PERBELANJAAN

Komponen-komponen perbelanjaan Majlis adalah seperti di **Carta 2**.



Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 10.93% pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015, iaitu dari RM236.08 juta kepada RM261.89 juta dengan perbezaan sebanyak RM25.81 juta.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN

Perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2016 dan tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun 2016 dan 2015

PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM	2016 RM JUTA	2015 RM JUTA
EMOLUMEN (TETAP, KONTRAK & SAMBILAN)	159.04	137.63
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	70.47	69.32
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	1.32	1.28
PERBELANJAAN HARTA MODAL	2.30	0.94
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	5.66	3.05
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	23.10	23.86
JUMLAH	261.89	236.08

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2016 telah meningkat berbanding dengan tahun 2015. Dua komponen utama dalam perbelanjaan Majlis adalah emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Pelaksanaan kenaikan gaji minimum kepada RM1,200 dan anjakan gaji merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan dalam perbelanjaan Majlis bagi tahun 2016. Lain-lain perbelanjaan secara puratanya tidak berbeza secara material.

PERBANDINGAN ASET DAN LIABILITI


Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2016 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 3**. Nisbah Kecairan semasa menunjukkan MPSP mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan pada nisbah 4.5:1 pada tahun 2016.

Jadual 3: Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2016 dan 2015

PERKARA	2016 RM JUTA	2015 RM JUTA
Aset Bukan Semasa	327.43	335.39
Aset Semasa	187.29	206.83
Jumlah Aset	514.72	542.22
Liabiliti Jangka Panjang	345.14	349.54
Liabiliti Semasa	41.82	49.28
Jumlah Liabiliti	386.96	398.82
ASET BERSIH	127.76	143.40

TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN

CARTA 3: TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN BAGI LIMA (5) TAHUN




Carta 3 menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul cukai taksiran bagi tahun 2016 telah meningkat 4.7% iaitu RM0.97 juta jika dibandingkan dengan tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan terdapat sebuah kompleks membeli belah yang telah berhenti beroperasi pada tahun 2016. Bagi memastikan tunggakan cukai taksiran ini dapat diperolehi, Jabatan Perbendaharaan akan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

Promosi Cukai Pintu dan Cabutan Bertuah MPSP 2016

Promosi cukai pintu dan cabutan bertuah adalah salah satu strategi MPSP untuk meningkatkan kutipan cukai pintu dan menggalakkan pemilik harta untuk membayar cukai pintu dengan lebih awal. **Jadual 4** menunjukkan jumlah kutipan daripada promosi cukai pintu telah semakin meningkat dari tahun 2012 hingga 2016.

PERKARA	PROMOSI 2012	PROMOSI 2013	PROMOSI 2014	PROMOSI 2015	PROMOSI 2016
Bilangan Transaksi	61,132	75,345	77,667	112,190	137,405
Bilangan Layak untuk Cabutan Bertuah	21,495 akaun	24,348 akaun	25,755 akaun	37,443 akaun	42,178 akaun
Jumlah Kutipan	RM15.57 juta	RM20.72 juta	RM20.28 juta	RM38.54 juta	RM80.75 juta



Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017

Tahun 2016 merupakan tahun ke-lima Majlis mengadakan Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP bersama komuniti. Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 telah diadakan pada 26 Mac 2016 (Sabtu) di Hotel Ixora, Bandar Perai Jaya, Perai dan dihadiri oleh 145 orang yang terdiri daripada Wakil Parlimen, YB Adun, Wakil YB Adun, Penyelaras Kadun, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan MPSP, Pegawai-Pegawai MPSP, Agensi-Agenis Kerajaan, Agensi Swasta, Penang Women's Development Corporation (PWDC), Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), wakil-wakil daripada JKKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan Briged-Briged Wanita.

Objektif Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 diadakan bersama komuniti adalah seperti berikut: -

- (i) Sesi ini adalah bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka Bajet 2017 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP;
- (ii) Selain itu, objektif Sesi ini juga adalah bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam program dan tadbir urus MPSP;
- (iii) Sesi ini adalah untuk mengenalpasti pendekatan-pendekatan baru dalam pelaksanaan perkhidmatan dengan sumber-sumber yang terhad;
- (iv) Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 juga merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk; dan
- (v) Di samping itu, Sesi ini juga untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus (good governance).

Dalam Sesi "Town Hall" Dialog Bajet ini, hasil Soal Selidik Bajet Tahun 2017 yang berlandaskan Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) telah dibincangkan dengan lebih terperinci bersama dengan peserta dialog bajet.

Hasil perbincangan Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 adalah seperti berikut: -

- (i) Meningkatkan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat
- (ii) Kajian semula insentif kepada pemberi maklumat mengenai illegal dumping
- (iii) Penggunaan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan
- (iv) Mengekalkan projek bersama komuniti
- (v) Perancangan dan pembangunan yang lebih kemas
- (vi) Penguatkuasaan bersepadu
- (vii) Promosi dan penjenamaan semula Seberang Perai untuk pelancongan

Semua cadangan, idea dan hasil perbincangan ini akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan Majlis bagi tahun 2017 serta diperaktikkan dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan Majlis.



Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 pada 26 Mac 2016 di Hotel Ixora,
Seberang Jaya.



JABATAN PERACANG BANDAR

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

LAPORAN TAHUNAN 2016

JABATAN PERANCANG BANDAR

1.0 PENGENALAN

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 [Akta A993], 2001 [Akta A1129] dan 2007 [Akta A1313] bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



2.0 VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif.

3.0 MISI JABATAN

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.

4.0 FUNGSI JABATAN

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :


- i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].
- iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.
- iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

4.0 ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 4 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Pembangunan
- Bahagian Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Bahagian Pusat Setempat (OSC)
- Unit Pentadbiran

Rujuk rajah 1



Rajah 1 : Carta Organisasi Jabatan Perancang Bandar

Selaras dengan itu tiap-tiap bahagian tersebut mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

4.1 BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlinkungan Semula dan lain-lain yang berkaitan



Aktiviti yang telah dijalankan :-

Sejak tahun 2008 hingga bulan Disember 2016 terdapat sebanyak 3181 permohonan yang telah diterima oleh pihak jabatan. Dari jumlah tersebut 2179 (68.5%) merupakan permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan dan 1002 (31.5%) adalah permohonan pelan pecahan sempadan/cantuman tanah, penyerahan dan pemberian milik semula tanah seperti Jadual 2.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA TAHUN 2008-2016

Tahun	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH/PENYERAHAN DAN PEMBERIAN MILIK SEMULA	JUMLAH
2008	127	77	204
2009	170	90	260
2010	206	102	308
2011	247	150	397
2012	295	125	420
2013	268	153	421
2014	286	105	391
2015	256	109	365
2016	324	91	415
JUMLAH	2179	1002	3181

JADUAL : 2

Sementara permohonan yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 1800 yang terdiri daripada 1082 (60.11 %) pelan kebenaran merancang dan 718 (39.9 %) pelan pecahan sempadan/cantuman tanah seperti Jadual 3.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2008-2016

Tahun	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH	JUMLAH
2008	92	69	161
2009	172	94	266
2010	204	56	260
2011	92	110	202
2012	116	79	195
2013	72	99	171
2014	87	74	161
2015	124	82	206
2016	123	55	178
JUMLAH	1082	718	1800

JADUAL : 3

Berdasarkan trend permohonan seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3** didapati bilangan permohonan yang diterima dan yang diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan ini memberi petanda bahawa penawaran terhadap pembangunan khususnya dalam sektor perumahan semakin bertambah di kawasan Seberang Perai.

4.2 BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

Selain dari mengawal pembangunan bagi memastikan ianya terancang, Jabatan Perancang Bandar juga memainkan peranan untuk menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melalui Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan. Diantara fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah :

- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen - lesen perniagaan am dan industri di seluruh Seberang Perai.
- Memberikan ulasan terhadap lesen pengilang kepada pihak MIDA / MITI.
- Menjalankan lawatan tapak untuk menyiasat dan mengenalpasti aktiviti – aktiviti pembangunan yang dijalankan tanpa kebenaran atau menyalahi syarat – syarat kelulusan yang diberikan di seluruh Seberang Perai.
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan kepada aduan – aduan yang diterima di seluruh Seberang Perai.
- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap perubahan matan terhadap bangunan dan tanah tanpa kebenaran atau premis – premis yang menyalah guna kegunaan bangunan (Change of use) dan menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada jabatan undang – undang.
- Memberikan ulasan terhadap permohonan pembinaan papan tanda kepada jabatan kejuruteraan.
- Menyelaraskan hal – hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.



4.3 BAHAGIAN R & D

Bahagian R & D jabatan bertanggungjawab untuk menggubal dan menyediakan garis panduan perancangan dan dasar-dasar perancangan khususnya bagi tukar guna kediaman kepada perniagaan. Antara fungsi dan tanggungjawab Bahagian R & D adalah:

- Menyediakan & mengemaskini garis panduan perancangan & dasar – dasar perancangan
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya
- Menyediakan draf Kertas Mesyuarat MMK dan Exco.

Di antara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2016 adalah :

- Cadangan Tatacara Penggunaan Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam

Manakala dasar perancangan yang telah diluluskan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :

- Cadangan Menukar Kegunaan Bangunan Kediaman Kepada Perniagaan Untuk 08 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Jalan Besar, Taman Jentayu, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan

4.3 BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2005 -2020(RTD SPU)
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020(RTD SPT)
3. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2009-2020(RTD SPS)
4. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah
5. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu GIS Map Browser, e-OSSC, EIS SPT dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
6. Mewujud dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain
7. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
8. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampuan Bandar-bandar di Malaysia - MURNIinet secara online melalui laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

9. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garis panduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e Dasar MPSP.
10. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara 'online' melalui laman web <http://spgis.mpsp.gov.my>. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, Draf RTD Seberang Perai Utara, Draf RTD Seberang Perai Tengah dan Draf RTD Seberang Perai Selatan serta boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.
11. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial [basemap] yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat direalisasikan memandangkan kekosongan jawatan juruteknik (pelukis pelan) masih belum diisi.
12. Memaparkan maklumat guna tanah secara grafik menggunakan konsep 'layer' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
13. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan jabatan dalaman MPSP. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
14. Menyediakan ulasan teknikal terhadap permohonan pelingkungan semula yang diterima daripada JPBD Negeri Pulau Pinang.
15. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkaitan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhidmatan diberi secara serta merta dengan surat pengesahan. Pada sepanjang tahun 2016 sebanyak 1307 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
16. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2016 sebanyak 1103 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 311, SPT = 514 dan SPS = 278.
17. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2016. Catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 9060 dengan bilangan jualan sebanyak 383 keping.
18. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut 'base plan' berkoordinat cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 402 buah skim telah didigit dan 319 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan telah didigit ke dalam pangkalan data GIS.

LAPORAN STATUS PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH TAHUN 2016
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RTD SPU	26,137	2005	2008	Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam	700,000	1,500,000	2,200,000	Perunding Permai Sdn.Bhd	Mesyuarat Majlis Penuh: 30 Mei 2008 Mesyuarat J/Kuasa Perancang Negeri: 31 Jan 2011

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
									<p>Publisiti Awam telah diadakan pd 15 Mac - 19 April 2012</p> <p>Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam.</p> <p>Sesi Pertama: 26 Nov - 9 Dec 2013</p> <p>Bentang kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan - 5 Jun 2014.</p> <p>Disahkan dalam Majlis Penuh Bil 480 (6/2014) 27 Jun 2014.</p> <p>Draf RTD SPU perlu dipinda berdasarkan kepada keputusan JPN terhadap Syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan - Mesyuarat JPN -12 Sept 2014</p>
RTD SPT	23,799	2006	2009	Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam	710,000	1,419,630	2,129,630	Jururancang Gemilang Sdn Bhd	<p>Mesyuarat Majlis Penuh: 31 Mei 2010</p> <p>Mesyusrat J/Kuasa Perancang Negeri: 16 Mei 2011</p> <p>Publisiti Awam telah diadakan pd 15 Mac - 19 April 2012</p> <p>Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam.</p> <p>Sesi Pertama: 26 Nov - 9 Dec 2013</p> <p>Bentang kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan - 5 Jun 2014.</p> <p>Disahkan dalam Majlis Penuh Bil 480 (6/2014) 27 Jun 2014.</p>

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
									Mesyuarat JPN pada 30 Sept 2014 - Draf Akhir RTD SPT telah ditangguhkan bagi menyediakan kaedah perlaksanaan RT dengan lebih Dinamik, Organik dan fleksibel untuk digunakan
RTD SPS	24,334	2008	2010	Semakan Semula Draf Akhir	600,000	1,200,000	1,800,000	RNR PLANNING	J/Kuasa Perancangan, Pembangunan & Pengindahan 19 Sept 2011 Tangguh sehingga RSNPP Pengubahan disiapkan
JUMLAH	74,270			2,010,000	4,119,630	6,129,630			

JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

JENIS PERKHIDMATAN		TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2016
Sistem Mesyuarat e-OSC		<ul style="list-style-type: none"> - Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC - Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini. 	294 Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mppsp.gov.my/osc
Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) RTD		Memastikan pembangunan sistem mengikut standard yang ditetapkan	EIS RTD SPT telah siap dan sedia untuk kegunaan melalui laman web http://spgis.mppsp.gov.my/eis
Sistem GIS Map Browser		Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini.	Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mppsp.gov.my Maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam sistem ialah: <ul style="list-style-type: none"> - Peta Cadangan RTD SPU - Peta Cadangan RTD SPT - Peta Cadangan RTD SPS - Kawasan Pembersihan MPSP mengikut Parliment - Maklumat Infrastruktur Kemudahan Awam

Surat Pengesahan Zoning	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama	Sebanyak 1103 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU: 311, SPT : 514 dan SPS : 278 dan jumlah pelanggan seramai 1307 orang.
Cetakan pelan dan data perancangan untuk jualan dan kegunaan jabatan dalaman MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan	Sebanyak lebih kurang 383 permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalaman MPSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM 9060
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didigit menggunakan aplikasi GIS	402 buah skim pembangunan telah didigit dan 319 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS.

4.5 UNIT URUSETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

LATAR BELAKANG

Unit Urusetia Pusat Setempat [OSC] telah ditubuhkan di Majlis Perbandaran Seberang Perai [MPSP] pada 13 Jun 2007 selaras dengan pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan pada 13 April 2007. Asas penubuhan Unit OSC adalah bagi memendekkan norma masa memproses permohonan pembangunan dan pemajuan tanah berdasarkan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [KPKT].

Unit OSC berperanan dalam menyemak, menerima, merekod dan mengedor permohonan yang lengkap kepada jabatan yang memproses dan jabatan/ agensi teknikal serta memantau status permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit OSC. Unit ini turut bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat kepada juruperunding dan pemohon khususnya dalam aspek tatacara mengemukakan permohonan bagi memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur.

OBJEKTIF UNIT OSC

- ✓ Menyelaras dan mempercepat proses kelulusan permohonan pembangunan tanah meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Landskap dan dan pelan-pelan lain yang berkaitan;
- ✓ Memendekkan norma masa dan memudah cara proses kerja permohonan pembangunan tanah; dan
- ✓ Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan pembangunan tanah yang meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan pelan-pelan lain berkaitan dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133).

PELAKSANAAN SISTEM OSC ONLINE

Dalam langkah mempercepat proses permit pembangunan (Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Lanskap dan Perihal Tanah) MPSP telah melaksanakan Prosedur Pengemukaan dan Pemprosesan Permohonan Secara Online (OSC Online) mulai 1 Februari 2016. Tindakan tersebut merupakan antara usaha daripada pihak Kerajaan dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang hartanah.

Pada peringkat awal pelaksanaan OSC Online di MPSP, permohonan yang diterima dan diproses adalah hanya melibatkan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan. Walau bagaimanapun, mulai 1 Mei 2016, pelaksanaan sistem OSC Online telah digunakan secara menyeluruh bagi semua permohonan yang diterima iaitu meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan-Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap.

PERMOHONAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA

Permohonan pelan pembangunan yang diterima melalui Unit OSC melibatkan empat (4) jabatan memproses iaitu Jabatan Perancang Bandar MPSP, Jabatan Bangunan MPSP, Jabatan Kejuruteraan MPSP dan Jabatan Lanskap MPSP.

Jadual 4.5.1 : Jenis Permohonan Yang Diterima Mengikut Jabatan

Bil.	JABATAN	JENIS PERMOHONAN
1.	Jabatan Perancang Bandar	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permohonan Kebenaran Merancang ✓ Permohonan Pecah Sempadan/ Cantuman Tanah/ Penyerahan dan Pemberimilikan Semula ✓ Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D KTN) (Serentak) ✓ Permohonan Pecah Sempadan dan Ubah Syarat Tanah (124A KTN) (Serentak)
2.	Jabatan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permohonan Pelan Bangunan
3.	Jabatan Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permohonan Pelan Kerja Tanah ✓ Permohonan Pelan Jalan dan Parit ✓ Permohonan Pelan Lampu Jalan
4.	Jabatan Lanskap	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permohonan Pelan Lanskap

Jadual 4.5.2 : Jumlah Permohonan Pelan Pembangunan Yang Diterima Di Unit OSC Mengikut Tahun Dari 2008 Hingga 2016

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan Mengikut Tahun									Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	
Permohonan Kebenaran Merancang	145	214	396	425	352	285	331	263	333	2744
Permohonan Pelan Lanskap	80	63	67	81	100	88	77	74	80	710
Pelan Kerja Tanah	146	135	110	132	125	154	163	128	119	1212
Pelan Jalan dan Parit	270	207	211	246	319	338	415	343	315	2664
Pelan Lampu Jalan	74	73	64	84	107	119	126	111	99	857
Pelan Bangunan	240	257	302	971	404	443	631	509	425	3582
JUMLAH	955	949	1150	1339	1407	1427	1743	1428	1371	11,769

Carta 4.5.1 : Perbandingan Jumlah Permohonan Pelan Pembangunan Yang Diterima Mengikut Tahun Dari Tahun 2008 Hingga Tahun 2016



MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Jawatankuasa OSC telah diadakan sebanyak 24 kali bagi tahun 2016 iaitu mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Mesyuarat Jawatankuasa OSC dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Yang DiPertua dan terdiri daripada 27 Jabatan Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran beserta 4 Ahli Majlis, 2 Ahli Majlis Pemerhati yang telah dilantik.

Setiap permohonan yang diputuskan dalam Jawatankuasa OSC bagi tahun 2016 dimaklumkan melalui Kertas Maklumat dalam Majlis Penuh MPSP yang bersidang pada setiap bulan.


JADUAL 4.5.1 : Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa OSC dan Kertas Mesyuarat Bagi Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan Yang Telah Dibentangkan Dari Tahun 2008 - 2016

Tahun	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa OSC	Bil. Kertas Mesyuarat Yang Dibentangkan		
		PKM	BGN	JUMLAH
2008	22	130	82	212
2009	23	185	82	267
2010	23	244	86	330
2011	24	360	245	605
2012	24	318	476	794
2013	24	301	387	688
2014	24	336	403	739
2015	24	352	541	893
2016	24	386	587	973

PENCAPAIAN PERMOHONAN DIPROSSES DARI TAHUN 2008 HINGGA 2016

Permohonan yang diterima melalui Unit OSC akan direkodkan dan dipantau status dari masa ke semasa. Carta 4.5.2 menunjukkan perbandingan pencapaian permohonan yang berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam dan melebihi tempoh piagam.

Carta 4.5.2 : Pencapaian Permohonan Diselesaikan Dalam Piagam dan Selesai Melebihi Piagam Dari Tahun 2008 Hingga 2016



KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pencapaian Unit OSC dalam menyelesaikan permohonan pelan-pelan pembangunan dalam tempoh yang telah ditetapkan meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini menunjukkan penambahbaikan dalam prosedur pelaksanaan penerimaan dan pengedaran permohonan Unit OSC memberikan kesan yang efektif dalam memastikan setiap permohonan yang diterima dapat diproses dan diselesaikan dengan tepat mengikut KPI yang telah ditetapkan.

4.6 BAHAGIAN PENTADBIRAN

Fungsi Unit Pentadbiran di Jabatan Perancang Bandar ialah:

- Menyelenggara fail-fail permohonan dan fail am
- Merekod dan mengedar surat-menyurat
- Menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan keputusan permohonan
- Menyediakan dan mengawalselia inventori pejabat
- Lain-lain tugas yang berkaitan dengan urusan kakitangan
- Menyelaras hal ehwal mesyuarat
- Menyelaras maklumbalas teknikal kepada jabatan dalaman dan luaran
- Penyediaan belanjawan jabatan
- Menyelaras Kertas Mesyuarat JK OSC dan Mesyuarat JK Mendengar Bantahan



JABATAN BANGUNAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



LAPORAN TAHUNAN JABATAN BANGUNAN 2016

1. PENDAHULUAN

Mengikut peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan Dasar-Dasar Majlis, Jabatan Bangunan bertanggungjawab melaksanakan undang-undang kawalan bangunan-bangunan yang ada di dalam kawasan pentadbiran Majlis dan memastikan ia dibina mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Akta dan Undang-Undang Kecil diatas. Fungsi Jabatan Bangunan adalah:-

- i. Memproses dan menimbulkan permohonan pelan-pelan bangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (UKBS 1986)
mempengerusikan mesyuarat bersama delegasi
City of Yokohama, Yokohama City University JICA
dan USM pada 17 November 2016.



Delegasi City of Yokohama dan Yokohama City University sebelum berlepas pulang ke Yokohama pada 17 November 2016.



LAWATAN / CONFERENCE/ KURSUS/ SEMINAR KE LUAR NEGARA OLEH MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

LAWATAN / CONFERENCE / KURSUS/ BENGKEL

1.	Training on Sustainable Urban Transportation pada 15 hingga 23 Mac 2016 di Seoul Human Resource Development Center di Seoul, Korea.
2.	Asia Pacific on Sustainable Development Regional priorities for the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific pada 2 hingga 6 April 2016 Bangkok, Thailand.
3.	United Cities and Local Governments Asia Pacific pada 10-11 Mei 2016 di Bangkok, Thailand.
4.	A Delgosea Vision : Decentralization and Good Local Governance In Asean pada 16-17 Mei 2016 Bangkok, Thailand.
5.	ICLEI The Habitat III Local Authority Hearings In New York pada 15 hingga 17 Mei 2016 di New York, Amerika.
6.	International Forum On Urban Policy For Sustainable Developments Goals, Seoul, Korea pada 7 hingga 11 Jun 2016 di Seoul, Korea.
7.	World Cities Summit and Mayors Forum 2016 pada 10 hingga 14 Julai 2016 di Singapura
8.	Global Social Economy Forum [GSEF] PREPCOM III pada 25 hingga 27 Julai 2016 di Surabaya, Indonesia
9.	The 2nd Asian Women's Network Forum "Building Inclusive and Safer Cities for Women" pada 31 Ogos - 1 September 2016
10.	The 2nd Asian Women's Network Forum "Building Inclusive and Safer Cities for Women" pada 31 Ogos - 1 September 2016
11.	6th UCLG Congress 2016, Jeollabuk-Do, Region Life & Culture in the New Urban Agenda 5 hingga 8 September 2016 di Jeollabuk-Do, Korea Selatan
12.	ICLEI Preparatory Committee of The United Nations Conference of Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III) pada 16 hingga 20 Oktober 2016 di Quito Ecuador
13.	National Gender – Responsive Budgeting Workshop, Beijing pada 17 hingga 18 November 2016
14.	Workshop on "The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities" pada 30 November hingga 1 Disember 2016 di Bangkok Thailand

Training on Sustainable Urban Transportation pada 15 - 23 Mac 2016 di Seoul Human Resource Development Center di Seoul, Korea.

MPSP telah menghantar Cik Shafida Aziyanti Binti Mohd Shafie ke Training on Sustainable Urban Transportation pada 15 hingga 23 Mac 2016 di Seoul, Korea. Program ini dianjurkan oleh Seoul Human Resource Department Center (SHRDC).

Hasil daripada training ini pegawai mendapat peluang untuk melibatkan diri dalam resolusi teknikal dan menambah ilmu dalam bidang pengangkutan bandar selain bertukar-tukar pengetahuan, teknologi dan maklumat.


Pegawai mencadangkan agar Seberang Perai menggunakan card system yang boleh diguna pakai untuk semua pengangkutan awam. T-money merupakan kad prabayar yang mana menggunakan kad pintar yang mempunyai CPU yang boleh membuat pengiraan wang dengan sendiri. T-money boleh digunakan di dalam setiap pengangkutan awam seperti bas, subway dan teksi. T-money mempunyai tahap keselamatan yang tinggi yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Ia juga boleh dilaksanakan di pelbagai tempat kemudahan awam seperti kemudahan bayaran parking, terowong dan sebagainya.



Cik Shafida Aziyanti Binti Mohd Shafie di Training on Sustainable Urban Transportation, Seoul, Korea



Sample installation of T-money system in bus



T Money ialah kad perbayar yang merupakan kad pintar yang mempunyai CPU yang boleh membuat pengiraan wang dengan sendiri.

Asia Pacific on Sustainable Development Regional priorities for the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific pada 2 – 6 April 2016 Bangkok, Thailand.

YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha Perbandaran dan Cik Tan Joo Tee, Penolong Pengarah Kemasyarakatan telah menghadiri Asia Pacific on Sustainable Development Regional priorities for the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific (APFSD 2016) pada 2 hingga 6 April 2016 di Bangkok, Thailand.

Tema untuk APFSD 2016 adalah "Regional priorities of the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific". Forum ini melibatkan ahli-ahli ESCAP, Bangsa-Bangsa Bersatu dan pihak berkepentingan di serantau ini untuk pelaksanaan Agenda 2030 di Asia dan Pasifik.

Hasil daripada menghadiri program ini pegawai mencadangkan untuk melakukan kerja secara berkesan dan efektif, MPSP perlu mempromosikan multistakeholder engagement dengan memudahkan input, pandangan dan sokongan daripada pelbagai stakeholders.



Ybhg. Dato' Yang Dipertua semasa di Asia Pacific on Sustainable Development Regional priorities for the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific di Bangkok, Thailand.



Suasana semasa di Asia Pacific on Sustainable Development Regional priorities for the implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asia and the Pacific di Bangkok, Thailand.



Dato' Yang Dipertua semasa membentangkan kertas kerja "Making Cities Inclusive, Safe, Resilient and Sustainable Regional Priorities and Opportunities".

United Cities and Local Governments Asia Pacific pada 10-11 Mei 2016 di Bangkok, Thailand.

Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi, Pengarah Pelesenan dan Encik Mohd Fidae bin Mohamad, Penolong Pengarah Pelesenan telah menghadiri United Cities and Local Governments Asia Pacific pada 10 hingga 11 Mei 2016 di Bangkok, Thailand.

Program ini adalah untuk meneroka dan mempelajari secara lebih terperinci bagaimana pembangunan bandar yang mampan dapat dilaksanakan serta mengenal pasti cabaran harus dihadapi oleh negara-negara di Asia Tenggara.

Pegawai telah mencadangkan:-

- Mewujudkan klinik bergerak diperingkat Kerajaan Tempatan untuk mendekati penduduk yang berada di rural area serta kawasan yang jauh daripada kemudahan asas
- Pemberian bantuan imunisasi di peringkat Kerajaan Tempatan bagi golongan yang kurang berkemampuan dan berisiko tinggi dijangkiti penyakit
- Mewujudkan pusat pendidikan yang boleh dijadikan sebagai one stop center bagi rujukan masyarakat komuniti dalam menjana ekonomi.



Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi membentangkan kertas kerja semasa di United Cities and Local Governments Asia Pacific.

A Delgosea Vision : Decentralization and Good Local Governance In Asean pada 16-17 Mei 2016 Bangkok, Thailand.

MPSP telah menghantar Puan Norhayati Binti Sulaiman, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Puan Rosnada binti Abu Hassan, Timbalan Pengarah Undang – Undang ke A Delgosea Vision : Decentralization And Good Local Governance in Asean pada 16 hingga 17 Mei 2016 di Bangkok, Thailand.

Program ini diadakan adalah bagi berkongsi pengetahuan melalui best practices yang diamalkan oleh kerajaan tempatan menerusi negara-negara ASEAN.

Best practice yang boleh diamalkan oleh di MPSP hasil daripada menghadiri program ini ialah-

- Bagaimana untuk memperkasakan sistem dan pengurusan kerajaan.
- Bagaimana menjadikan pengurusan dan responsif kerajaan tempatan,
- Menggalakan penglibatan sivik dalam proses pembangunan tempatan,
- Bagaimana cara untuk melaksanakan mekanisme akauntabiliti.
- Melaksanakan autonomi fiskal tempatan dan pengurusan kewangan.
- Pengurusan pentadbiran yang terkawal dan pengurusan perkhidmatan yang terbaik.



Puan Norhayati Binti Sulaiman dan Puan Rosnada binti Abu Hassan semasa menghadiri Delgosea Vision : Decentralization And Good Local Governance in Asean.

ICLEI The Habitat III Local Authority Hearings In New York pada 15 hingga 17 Mei 2016 di New York, Amerika.

Pada 15 hingga 17 Mei 2016 YBhg. Dato' Yang Dipertua telah dijemput bagi menghadiri ICLEI The Habitat III Local Authority Hearings in New York. Beliau telah hadir bersama Puan Norliza Binti Abdullah, Pemangku Pengarah Perancang Bandar.

Program ini memfokuskan kepada hubungan kerjasama yang dapat dibina selain bertukar pandangan dengan negara-negara di dunia serta membincangkan isu-isu dan perkara-perkara yang melibatkan strategi ke arah pembangunan mampan.

Hasil daripada lawatan ini pegawai telah mencadangkan agar MPSP menyediakan tempat yang sesuai untuk dijadikan perpustakaan yang menyediakan buku-buku yang berkualiti, ruang rehat kepada pekerja bagi berjumpa, membuat perbincangan dan menyediakan outdoor room sebagai tempat beriadah.



Gino Van Begin, ICLEI Secretary General , Dato' Maimunah Mohd Sharif, Illiza Sa'aduddin Djamal, Mayor of Banda Aceh Indonesia semasa di ICLEI Habitat III, New York.



Dato' Maimunah Mohd Sharif dijemput sebagai panelist semasa program the Global Task Force of Local and Regional Governments on transformative commitments for a sustainable urban development.



Perbincangan bersama Mr Gino Van Begin, Dato' Maimunah Mohd Sharif, Ms Nancy H Stetson, Special Representative for Habitat III, Office of the Secretary US Department of State Washington dan Ms Elizabeth A. Buckingham.

International Forum On Urban Policy For Sustainable Developments Goals pada 7 – 11 Jun 2016 di Seoul, Korea.

Pada 7 hingga 11 Jun 2016 YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Puan Siti Haslinda Binti Hasan, Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri International Forum on Urban Policy for Sustainable Developments Goals di Seoul, Korea.

Program ini memfokuskan kepada pelaksanaan Agenda 2030 bagi pembangunan lestari kerana banyak tindakan yang perlu diambil dari peringkat kerajaan tempatan sebelum dapat melaksanakan Agenda 2030.

Hasil daripada lawatan ini pegawai lebih memahami bahawa pembangunan yang mampan dapat dicapai melalui kerjasama dalam perkongsian pengetahuan di antara bandar. Sebuah Kerajaan Tempatan perlu menjadikan platform best practice sebagai perkongsian yang mana pihak berkuasa tempatan dapat mempelajari dan mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan secara bersama. Jaringan hubungan kerjasama diantara bandar dapat menggalakkan pengkongsian pengetahuan dan pengalaman termasuklah melalui Urban Sustainable Development Goals (SDGs).





Ybhg. Dato' Yang Dipertua bersama speakers yang lain semasa di International Forum on Urban Policy for Sustainable Developments Goals di Seoul, Korea.

World Cities Summit and Mayors Forum 2016 pada 10 – 14 Julai 2016 di Singapura

Pada 10 hingga 14 Julai 2016 YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Puan Rosmalinda Binti Rosli, Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah menghadiri World Cities Summit and Mayor Forum 2016 di Marina Bay Sands, Singapura.

World Cities Summit and Mayors Forum 2016 diadakan bagi memberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui The Lee Kuan Yew World City Prize yang mengiktiraf pencapaian cemerlang dan sumbangan bandar-bandar kearah bandar mampan.

Hasil daripada menghadiri World Cities Summit and Mayors Forum 2016 pegawai mendapat pemahaman yang lebih jelas bagaimana program di peringkat antarabangsa dijalankan dan boleh dijadikan best practice di MPSP contohnya seperti pengurusan site visit yang melibatkan banyak tempat. Pihak penganjur meletakkan tagging untuk site visit secara jelas untuk memudahkan peserta mendapatkan bas yang betul dan tepat.



Gambar-gambar Datuk Bandar yang menghadiri World Cities Summit Mayors Forum 2016

Global Social Economy Forum [GSEF] 25 – PREPCOM III 27 Julai 2016 di Surabaya, Indonesia

Pada 25 hingga 27 Julai 2016 YBhg. Dato' Yang Dipertua bersama Puan Kamariah binti Ramli, Penolong Pengarah Kanan Perancang Bandar telah menghadiri Global Social Economy Forum [GSEF] PREPCOM III pada 25 hingga 27 Julai 2016 di Surabaya, Indonesia.

Program ini diadakan bagi membincangkan secara lebih terperinci mengenai draft New Urban Agenda yang akan dibentangkan pula semasa Habitat III Conference pada 17 hingga 20 Oktober 2016 di Quito.

Hasil daripada menghadiri program ini pegawai merumuskan MPSP perlu mempelajari prinsip asas bagi sesebuah bandar menjadi lebih baik melalui beberapa komponen yang boleh diperlakukan di MPSP iaitu:-

- i. A city free of discrimination
- ii. A city of inclusive citizenship
- iii. A city with enhanced political participation
- iv. A city with quality public spaces
- v. A city of gender equality
- vi. A city fulfilling its social functions
- vii. A city with cultural diversity
- viii. A city inclusive economies
- ix. A sustainable city



Gambar YBhg. Dato' Yang Dipertua bersama-sama dengan delegasi dari negara lain di dunia yang menghadiri Global Social Economy Forum [GSEF] PREPCOM III.

The 2nd Asian Women's Network Forum “Building Inclusive and Safer Cities for Women” pada 31 Ogos hingga 1 September 2016 di Seoul, Korea

The 2nd Asian Women's Network Forum “Building Inclusive and Safer Cities for Women” diadakan pada 31 Ogos hingga 1 September 2016 di Seoul, Korea. Program ini dihadiri oleh Puan Norliza binti Abdullah, Pemangku Pengarah Perancang Bandar dan Puan Amira Binti Ahmad, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

The 2nd Asian Women's Network Forum “Building Inclusive and Safer Cities for Women” mensasarkan perbincangan secara terbuka dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh wanita untuk membangunkan bandar yang selamat daripada keganasan dan kerosakan.

Hasil daripada lawatan ini pegawai mencadangkan MPSP untuk menjadikan bangunan yang pernah menjadi ibu pejabat MPSP di Bagan untuk dijadikan sebagai pusat komuniti. Di Seoul terdapat banyak bangunan-bangunan lama yang dijadikan pusat komuniti. Pegawai mencadangkan Seberang Perai Citizen Hall (SPCH) diwujudkan yang boleh menempatkan aktiviti Jabatan Kemasyarakatan MPSP, dewan orang ramai, bilik seminar, perpustakaan, cafe, muzium dan galeri.

Bahagian Latihan dan Kompetensi juga boleh memanfaatkan SPCH sekiranya terdapat beberapa bilik seminar dan bilik latihan. Selain tidak perlu menyewa di lokasi lain, MPSP sendiri dapat menambah pendapatan dengan memberi sewaan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berminat. Dengan kerjasama pihak Thinkcity melalui projek Butterworth Baru, tapak lama ibu pejabat MPSP ini boleh diberikan wajah baru.



Puan Norliza Abdullah membuat pembentangan semasa menghadiri The 2nd Asian Women's Network Forum
“Building Inclusive and Safer Cities for Women”



Puan Amira Binti Ahmad bergambar di Youth Centre, Seoul, Korea



Puan Norliza Abdullah bersama-sama dengan foreign speaker yang lain semasa di The 2nd Asian Women's Network Forum
“Building Inclusive and Safer Cities for Women”

WeGO 2nd Asia Pacific Regional Forum pada 29 Ogos hingga 2 September di Phuket, Thailand

Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Tuan Setiausaha Perbandaran, Puan Raja Mashitah binti Raja Zainal, Penolong Pengarah Teknologi Maklumat, Encik Majidi bin Abdul Hamid, Penolong Pegawai Penilaian dan Pengurusan Harta dan Encik Mohammad Syani Bin Husin, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat telah menghadiri WeGO 2nd Asia Pacific Regional Forum pada 29 Ogos hingga 2 September di Phuket, Thailand.

Program ini membawa lebih daripada 200 orang peserta yang berjawatan tinggi di peringkat nasional dan kerajaan tempatan iaitu lebih daripada 30 negara bagi membincangkan impak bandar pintar dan mampan.

Hasil yang diperolehi daripada lawatan ini ialah:-

- i. MPSP boleh mewujudkan polisi pemasangan infrastruktur Smart City kepada pemaju seperti penyediaan kabel fiber optic di setiap kawasan pembangunan baru sebagai contoh di setiap taman – taman perumahan.
 - Dengan tersedianya infrastruktur Smart City kepada pemaju seperti penyediaan kabel fiber optic di setiap kawasan pembangunan baru ini, kadar penembusan jalur lebar berkelajuan tinggi dapat ditingkatkan di setiap kawasan dan seterusnya dapat meningkatkan tahap penggunaan perkhidmatan online yang disediakan oleh MPSP.
- ii. Penyediaan pelan dan pelaksanaan Cyber Incident Management Drill [SIMULATION]
 - Ancaman siber semakin meningkat setiap hari, oleh itu penyediaan pelan tindakan bagi menghadapi ancaman-ancaman ini akan memastikan MPSP sentiasa bersedia sepanjang masa sekiranya berlaku sesuatu pada perkhidmatan online yang disediakan oleh MPSP.



Tuan Setiausaha Perbandaran menjadi speaker semasa The 2nd Asia – Pacific Regional Forum.



Gambar beramai-ramai semasa di The 2nd Asia – Pacific Regional Forum.



Tuan Setiausaha Perbandaran dan Encik Baderul Majidi bergambar dihadapan Banner The 2nd Asia – Pacific Regional Forum.

6th UCLG Congress 2016, Jeollabuk-Do, Region Life & Culture in the New Urban Agenda pada 5 hingga 8 September 2016 di Jeollabuk-Do, Korea Selatan


Pada 5 hingga 8 September 2016 satu program iaitu 6th UCLG Congress 2016, Jeollabuk-Do, Region Life & Culture in the New Urban Agenda telah diadakan di Korea Selatan. Program ini telah dihadiri oleh Encik Shaqhrony Bin Md Yusoff, Ketua Unit Lanskap dan Encik Mohd Hazren Bin Mohd Zahir, Penolong Pengarah Perancang Bandar.

6th UCLG Congress 2016 diadakan bagi mempromosikan dan berkongsi ilmu pengetahuan melalui strategi kearah pembangunan mampan dan menangani isu-isu global selain mengenal pasti kerjasama yang dapat dijalankan.

Hasil daripada menghadiri program ini, pegawai – pegawai majlis telah didedahkan dengan fungsi umum sesuatu ruang awam. Ruang awam dirujuk sebagai satu titik pertemuan (meeting point) yang melibatkan masyarakat setempat yang berlaku di bahu jalan, laluan pejalan kaki, pasar awam, taman rekreatif awam, stesen keretapi dan sebagainya. Ianya turut meliputi ruang awam yang mempunyai kadar kebolehsampaian (connectivity/ accessibility) yang baik/ tinggi, selamat serta terbuka kepada semua lapisan masyarakat/ gender.

Implementasi di Seberang Perai boleh diambil kira melalui projek-projek naik taraf bagi ruang-ruang awam seperti taman-taman rekreatif, laluan-laluan utama, kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Antara projek yang bersesuaian untuk ditambah nilai (added values) adalah Urban Renewal of Bukit Mertajam, Butterworth Baharu, naik taraf Taman Tunku, Seberang Jaya dan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O.



Gambar Encik Encik Shaqhrony Bin Md Yusoff dan Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi semasa di 6th UCLG Congress 2016, Jeollabuk-Do, Region Life & Culture in the New Urban Agenda.

ICLEI Preparatory Committee of The United Nations Conference of Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III) pada 16 – 20 Oktober 2016 di Quito, Ecuador

Pada 16 hingga 20 Oktober 2016 YBhg. Dato' Yang Dipertua dan Cik Nadia Faradilla Binti Jalawi, Penolong Pengarah Perancang Bandar telah menghadiri ICLEI Preparatory Committee of The United Nations Conference of Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III) di Quito, Ecuador.

Habitat III adalah satu (1) sidang kemuncak di peringkat global yang pertama selepas menerima pakai Agenda 2030 yang bermatlamat untuk membina pembangunan yang mampan.

Semasa di Quito, YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif telah menerima Global Human Settlements Outstanding Contribution Award of Excellence yang diberikan oleh Global Forum on Human Settlements (GFHS) iaitu sebuah badan bukan kerajaan di New York, USA. Sustainable City Award and Human Settlements 2016 (SCAHS 2016) adalah bagi mengiktiraf penglibatan YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif yang menyumbangkan idea-idea yang inovatif dan usaha-usaha beliau didalam melaksanakan participatory budgeting, Local Action 21, Sustainable Development City of Seberang Perai dan pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDGs) di peringkat MPSP.

Hasil daripada menghadiri program ini pegawai mencadangkan agar pemasangan Projek Photovoltaic Solar dilaksanakan di bangunan MPSP Perda ini adalah selaras dengan pelaksanaan SDG 7 Affordable and Clean Energy.



Gambar beramai-ramai di 2nd World Assembly of Local and Regional Governments



Ybhg. Dato' Yang Dipertua menerima Global Human Settlements Outstanding Contribution Award of Excellence di Quito, Ecuador.



Gambar bersama penerima anugerah semasa The 11th Global Forum on Human Settlements & Sustainable Cities and Human Settlements Awards Ceremony.

National Gender – Responsive Budgeting Workshop, Beijing 17 hingga 18 November 2016

Pada 17 hingga 18 November 2016 MPSP telah menghantar En Ahmad Syahrir, Timbalan Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta ke National Gender – Responsive Budgeting Workshop di Beijing, China.

Program ini diadakan adalah bagi membincangkan bagaimana untuk menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita melalui the Convention for the Elimination of all Forms of Discrimination against Women (CEDAW). Program ini merupakan satu (1) platform yang diadakan bagi menyokong tindakan dan 2030 agenda pembangunan mampan. Selain memfokuskan kepada perbincangan mengenai undang-undang dan dasar-dasar yang boleh dirujuk untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dalam ekonomi, sosial dan pembangunan mampan.

Hasil daripada lawatan ini pegawai lebih memahami tentang kepentingan untuk menginstitusikan Gender Responsive Budgeting (GRBP) di MPSP. Sekarang ini, GRBP dilaksanakan mengikut projek dan dijalankan oleh jabatan tertentu sahaja. Melalui program di China ini, MPSP perlu mengambil langkah ke arah meginstitusikan GRBP bagi memastikan kepentingan gender sentiasa diambil kira dalam membangunkan Seberang Perai.



En Ahmad Syahrir Bin Jaafar membentangkan kertas kerja di National Seminar on Gender-responsomve Budgeting

Workshop on “The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities” pada 30 November hingga 1 Disember 2016 di Bangkok Thailand

Program Workshop on “The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities” pada 30 November hingga 1 Disember 2016 di Bangkok, Thailand telah dihadiri oleh Puan Norliza Binti Abdullah, Pemangku Pengarah Perancang Bandar, Encik Zakaria Bin Ismail, Penolong Pegawai Perancang Bandar Kanan dan Mohammad Asyraf Bin Abdullah, Penolong Pegawai Perancang Bandar.

Bengkel ini membawa bersama pegawai-pegawai di peringkat national, kerajaan tempatan dan stakeholders untuk membincangkan peranan bandar dalam pelaksanaan Agenda 2030 Pembangunan Mampan. Selain itu, bengkel ini memfokuskan kepada potensi bandar untuk mencari penyelesaian yang berinovatif dan transformatif seperti yang ditekankan oleh kebanyakan bandar yang melaksanakan Agenda 2030.

Faedah-faedah yang diperolehi hasil menghadiri bengkel ini ialah :-

- Menambah pengalaman baru seperti bertemu dengan pelbagai wakil agensi, pihak berkuasa tempatan dan wakil-wakil kerajaan di rantau Asia Pasifik yang memfokuskan kepada hala tuju Sustainable Development Goals (SDGs)
- Menambah pengetahuan bagaimana untuk membantu bagi mencapai SDGs.
- Mempelajari ciri-ciri yang boleh digunakan bagi mencapai SDGs.



Suasana semasa di “The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities”



Pegawai-pegawai yang menghadiri “The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities”



Suasana semasa bengkel “The Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development in Asian and Pacific Cities”





JABATAN LANDSKAP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

PENGENALAN

Jabatan Landskap mula ditubuhkan pada 1 April 2013 yang merangkumi jumlah kakitangan sedia ada iaitu seramai 158 orang kakitangan. Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan landskap di Seberang Perai meliputi keseluruhan kawasan tadbir MPSP yang berkeluasan 738.38km persegi. Teras perkhidmatan di Jabatan ini adalah merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan landskap kejur [hardscape] dan landskap lembut [softscape] di mana sehingga 31 Disember 2016, adalah dianggarkan sebanyak 251,123 batang pokok teduhan sedia ada yang perlu diselenggara oleh Jabatan. Selain itu juga, kawasan-kawasan lapang (yang disediakan melalui syarat pembangunan) turut diselenggara oleh Jabatan. Jumlah bilangan yang terlibat adalah sebanyak 1,498 buah kawasan lapang yang merangkumi jumlah keluasan sebanyak 2.28 juta meter persegi.

VISI JABATAN LANDSKAP

Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perancangan pembangunan landskap yang responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

MISI JABATAN LANDSKAP

Menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan hijau serta mempunyai struktur landskap yang indah dan selamat.

OBJEKTIF JABATAN LANDSKAP

- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa serta selamat selaras dengan inisiatif 'Cleaner, Safer and Healthier Penang'.
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap serta pemeliharaan pokok-pokok bagi seluruh Seberang Perai berdasarkan Peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 1995).
 • (Seksyen 35A-35H Akta 172)
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan alam sekitar melalui perlaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan kos efektif.
- Menggalakkan pembangunan industri landskap di Seberang Perai.

FUNGSI JABATAN


- Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga Seberang Perai berpandukan kepada Pelan Induk Landskap Majlis.
- Urusetia jawatankuasa perancangan, pembangunan dan pengindahan.
- Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan (CCC).

- Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisyen dan selamat.
 - Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok.
 - Membangun, menyelenggara, memperbanyak dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong.
 - Menguruskan tapak semai tanaman untuk keperluan jabatan.
 - Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan NGO.
 - Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam.
 - Pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan landskap secara berterusan dan mampan.
 - Pengurusan projek landskap 4P's.
 - Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak dan taman awam.

PIAGAM PELANGGAN

- Pangkasan pokok-pokok teduhan dilakukan sekali setahun di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran.
 - Membaiki alat permainan yang rosak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima.

CARTA ORGANISASI JABATAN LANDSKAP



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BAGI TAHUN 2016

Bil	PIAGAM PELANGGAN	JUMLAH DITERIMA	DICAPAI	% PENCAPAIAN
1.	Pangkasan pokok-pokok teduhan dilakukan sekali setahun di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran.	3	3	100
2.	Membalik alat permainan yang rosak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima.	186	42	22.58

LAPORAN PELAKSANAAN BPR BAGI TAHUN 2016

Bil	PROSES KERJA (SEBELUM BPR)	PROSES KERJA (SELEPAS BPR)	BIL. KES DITERIMA	BIL. KES DICAPAI	% DICAPAI
1.	Memproses Pelan Landskap berdasarkan permohonan Pelan Pembangunan yang diluluskan mengikut syarat Kebenaran Merancang dalam tempoh 9 minggu [63 hari] dari tarikh permohonan lengkap diterima.	Proses Pelan Landskap dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. (Berkuatkuasa 1 Julai 2012)	71	71	100

STATISTIK PENANAMAN POKOK 2016

MPSP		PEMAJU	
JANUARI	65	JANUARI	637
FEBRUARI	187	FEBRUARI	242
MAC	12	MAC	227
APRIL	37	APRIL	128
MEI	5	MEI	895
JUN	27	JUN	187
JULAI	28	JULAI	111
OGOS	224	OGOS	719
SEPTEMBER	109	SEPTEMBER	122
OKTOBER	20	OKTOBER	1,939
NOVEMBER	15	NOVEMBER	11
DISEMBER	19	DISEMBER	2,086
JUMLAH	748	JUMLAH	7,304
JUMLAH KESELURUHAN = 8,052			


PROGRAM 4P's DI BAWAH SELIAAN JABATAN LANDSKAP

Projek-projek Cleaner and Greener Seberang Perai yang telah dicapai di MPSP dijalankan melalui beberapa program dan kaedah pelaksanaan. Antara program yang giat dijalankan di peringkat Jabatan adalah melalui projek 4P's (Public, Private, People, Partnership) yang telah dimulakan sejak Julai 2011 hingga kini dengan kerjasama daripada sektor korporat, swasta dan kerajaan. Berikut adalah projek-projek 4P's Landskap 2016 yang telah dicapai seperti senarai di bawah :-




BIL	LOKASI	PENAJA	KOS PROJEK (RM)	HASIL/ OUTPUT/ IMPAK
1.	Bulatan Kelip-kelip Dan Mercu Tanda Kapal, Nibong Tebal	Syarikat Epic Valley Holding Group	80,000.00	Memberi kesan keceriaan di kawasan bulatan
2.	Taman Linear, Jalan Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan	Tetuan Palmington Sdn. Bhd.	1,900,000.00	Penyediaan kemudahan awam untuk aktiviti riadah dan sebagai kolam takungan untuk mengurangkan banjir

**Program 4P's Di Bulatan Kelip-kelip Dan Mercu Tanda Kapal, Nibong Tebal
Oleh Syarikat Epic Valley Holding Group**




Program 4P's Di Taman Linear, Jalan Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan
Oleh Tetuan Palmington Sdn. Bhd.



FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA, FLORIA PUTRAJAYA 2016









PROGRAM PENGINDAHAN DI TAMAN SELAT, SEBERANG PERAI UTARA



**PROGRAM PENGINDAHAN DI PERKARANGAN MAHKAMAH MAJISTRET
MUNICIPAL SEBERANG PERAI, SEBERANG PERAI UTARA**



PROGRAM PENGINDAHAN DI JALAN BAGAN LUAR, SEBERANG PERAI UTARA



CADANGAN PROJEK CSR STAR SANCTUARY SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS (SSSPP AWARDS)



PROGRAM PENGINDAHAN DI FLAT TELUK INDAH, PERAI,
SEBERANG PERAI TENGAH





**PROGRAM PENGINDAHAN DI TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA,
SEBERANG PERAI TENGAH**



PROGRAM PENGINDAHAN DI JALAN TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA



**PROGRAM PENGINDAHAN DI TAPAK PERPUSTAKAAN JALAN PANTAI,
BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA**



**PROGRAM 4P'S PENANAMAN POKOK BAKAU DI TINGKAT PERINDUSTRIAN 4A,
KAWASAN PERINDUSTRIAN PERAI, SEBERANG PERAI TENGAH**





**PROGRAM PENGINDAHAN DI TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA,
SEBERANG PERAI TENGAH**



**PROGRAM PENANAMAN POKOK “TREE FOR A TREE” ANJURAN TENAGA NASIONAL BERHAD
(CAWANGAN PERDA) DI KG. KUALA SUNGAI ACHEH, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN**







JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



LAPORAN TAHUNAN 2016

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

PENDAHULUAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ditubuhkan mulai 15 Oktober 2009 berikutan penstrukturran semula MPSP. Kewujudannya adalah hasil gabungan beberapa fungsi dari jabatan-jabatan yang berbeza namun mempunyai bidang tugas yang saling berkait rapat, seperti berikut:

- Pembersihan Am dan pelupusan sampah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
- Penyelenggaraan Taman dan Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar
- Penyelenggaraan Parit dan Longkang, Jabatan Kejuruteraan

Namun pada 1.4.2014 perkhidmatan penyelenggaraan taman dan rekreasi telah dijadikan satu entiti yang berasingan atau dipisahkan daripada perkhidmatan perbandaran. Begitu juga dengan perkhidmatan penyelenggaraan parit dan longkang yang telah dikembalikan ke Jabatan Kejuruteraan pada 15.10.2013. Pada 15.4.2014 pula Unit Kitar Semula telah dipindah dan diperkasakan di Jabatan Kemasyarakatan.

FUNGSI DAN PERANAN

- Mewujudkan persekitaran dan kejiraninan yang bersih dan selesa di Seberang Perai.
- Melipat gandakan usaha pengawalan, pengurusan dan penyeliaan yang lebih efektif ke atas tapak pelupusan dan pemindahan sampah di samping pengamalan kaedah-kaedah yang positif dengan impak negatif yang paling minima.
- Menggalakkan penglibatan komuniti dengan aktiviti pengasingan di punca melalui peningkatan kesedaran masyarakat terhadap program kitar semula serta;
- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil MPSP dan mendidik orang ramai menjaga kebersihan alam sekitar.

Unit Pentadbiran

- Memastikan semua dasar dan arahan Ketua Jabatan serta Majlis dilaksana dengan jaya dan berkesan
- Menguruskan hal-hal berkaitan kenderaan-kenderaan jabatan
- Mengurus hal-hal berkaitan surat menyurat jabatan
- Mengurus hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan jabatan
- Menyelaras hal-hal berkaitan tatatertib dan disiplin kakitangan jabatan
- Menyelaras mesyuarat, kursus dan latihan untuk kakitangan jabatan
- Mengurus perolehan dan bekalan jabatan
- Mengawal stok, inventori, aset dan pelupusan barang lama jabatan
- Menyelaras maklumbalas aduan dan mesyuarat

Sehingga Disember 2016 perjawatan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah bertambah berikutan keputusan untuk melaksanakan sendiri pembersihan 100% di Seberang Perai. Sebanyak 2601 jawatan telah diisi daripada pelbagai jawatan.

Daripada 2601 perjawatan keseluruhan yang diisi, sebanyak 2568 daripada jawatan adalah yang bertugas di lapangan manakala hanya 33 sahaja yang bertugas sebagai pengurusan dan pengkeranian di pejabat. Pengisian jawatan secara besar-besaran dari kelompok pegawai lapangan menunjukkan komitment Majlis yang berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembersihan di Seberang Perai. Perjawatan kumpulan sokongan II ini merupakan nadi utama perkhidmatan perbandaran yang meliputi perkhidmatan pembersihan seperti operasi kutipan sampah dari rumah ke rumah dan tong-tong sampah yang disediakan, penyapuan dan pembersihan jalan dan parit.

JUMLAH KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN TAHUN 2016

Jawatan	Gred	Jumlah
Pengarah	U48	1
Penolong Pengarah Kanan	N44	1
Penolong Pengarah	N41	2
Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Kanan	U36	1
Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Kanan	U32	1
Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1
Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran	U29	7
Penolong Pegawai Senibina	J29	1
Pembantu Tadbir Kanan	N22	1
Pembantu Kesihatan Awam Kanan	U22	3
Pembantu Tadbir	N17	13
Pembantu Penguatkuasa/Penyelia Penguatkuasa	N17	27
Pembantu Kesihatan Awam	U17	14
Pembantu Awam/Mandor	H11	117
Pembantu Awam	H11	2267
Pembantu Am Pejabat	H11	1
Pemandu	H11	143
JUMLAH		2601

JUMLAH KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2016

Jawatan	P41	P42	P43	P44	P45	P46		P47	PEJ	JUMLAH
						JB	AM			
Pengarah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Pengarah Kanan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Pengarah	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2
Ketua Pen. Peg. Kesihatan Pers. Kanan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Peg. Kesihatan Pers. Kanan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Peg. Tadbir Kanan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pen. Peg. Kesihatan Persekutaran	1	1	1	1	1	1	1	0	0	7
Penolong Peg. Senibina	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pembantu Tadbir Kanan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pembantu Kesihatan Awam Kanan	1	0	0	0	0	1	1	0	0	3
Pembantu Tadbir	1	0	1	0	1	1	1	0	8	13
Pemb. Penguatk./Penyelia Penguatk.	1	3	4	2	5	4	4	4	0	27
Pembantu Kesihatan Awam	2	1	2	3	1	1	1	3	0	14
Pembantu Awam/Mandor	16	15	14	13	12	18	15	14	0	117
Pembantu Awam	195	189	307	299	240	288	396	352	1	2267
Pembantu Am Pejabat	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pemandu	12	13	19	19	20	15	21	22	2	143
JUMLAH	229	222	348	337	280	329	440	395	21	2601

Sepanjang tahun 2016 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran terus menerima suntikan baru dengan penambahan kenderaan seperti lori Kompak dan “tipper”. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk MPSP melaksanakan sistem kutipan sampah secara “in-house” dan tidak lagi mengkontrakkan kerja-kerja tersebut.

Pada tahun 2016 juga didapati berlakunya pengurangan beberapa buah kenderaan jabatan berbanding tren tahun-tahun terdahulu melalui 2 cara iaitu sama ada dipinjamkan ke jabatan-jabatan lain (kesihatan untuk operasi pembasmian anjing liar) ataupun dilupuskan dari senarai aset Majlis.

JUMLAH KENDERAAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT TAHUN

JENIS	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Lori Kompaktor	23	23	33	46	69	71	71
Lori Terbuka	21	18	19	13	13	15	14
Back Hoe	3	3	8	7	6	7	7
Traktor	5	5	6	5	5	3	6
Ro-Ro	8	14	12	17	17	18	17
Kren	6	6	11	7	7	9	8
Lori Tipper	3	8	2	17	28	52	63
Water Jet	0	1	1	2	3	3	3
Road Sweeper	0	0	1	3	3	3	3
Motosikal	0	0	0	0	0	10	9
Land Cruiser	1	1	1	1	1	1	1
Pick Up	1	1	1	1	1	1	1
JUMLAH	71	80	95	119	153	193	203

JUMLAH KENDERAAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT TAHUN

JENIS	P41	P42	P43	P44	P45	P46 (JB)	P46 (AM)	P47	IP	JUMLAH
Lori Kompaktor	7	6	8	11	10	8	10	11	0	71
Lori Terbuka	1	1	3	2	2	2	2	1	0	14
Back Hoe	1	1	1	1	1	0	1	1	0	7
Traktor	1	1	0	1	1	0	1	1	0	6
Ro-Ro	2	2	4	2	1	2	2	2	0	17
Kren	0	1	1	2	1	1	1	1	0	8
Lori Tipper	6	6	7	8	8	7	11	10	0	3
Water Jet	1	0	0	1	0	0	0	1	0	3
Road Sweeper	0	0	1	1	0	0	0	1	0	9
Motosikal	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pikap	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Land Cruiser	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
JUMLAH	20	19	27	30	26	21	29	30	1	203

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa sejumlah besar kenderaan milik MPSP diuruskan dan dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Walaubagaimanapun, sebahagian besar kenderaan dari sejumlah 203 buah ini ditempatkan di depoh pembersihan MPSP dan hanya 1 biji sahaja digunakan di ibu pejabat. Ini sekaligus menyatakan bahawa semua aset Jabatan Perkhidmatan Perbandaran digunakan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Seberang Perai.

Pada tahun 2016 juga menunjukkan peningkatan daripada jenis-jenis kenderaan yang menjurus kepada perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai. Majlis telah membuat pembelian baru kenderaan-kenderaan seperti traktor dan kren untuk menambah aset kepada depoh-depoh pembersihan yang tidak mempunyai langsung kenderaan jenis berkenaan. Ini memudahkan jabatan sekiranya terdapat keperluan penggunaan kenderaan tersebut tanpa perlu membuat pinjaman kenderaan daripada depoh lain.

**SENARAI ALATAN DAN MESIN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2016**

JENIS	P41	P42	P43	P44	P45	P46 (JB)	P46 (AM)	P47	IP	JUMLAH
Mesin Potong Rumput	45	45	49	61	42	58	62	71	0	433
Blower	10	13	8	13	9	8	11	11	0	85
Chain Saw	2	2	3	3	3	3	3	3	0	22
Water Pressure Pump	1	0	1	1	1	3	0	1	0	8
Kamera	4	4	4	4	3	5	5	5	6	41
JUMLAH	62	64	65	83	58	77	81	93	0	589

Penambahan juga dibuat terhadap aset mudah alih Jabatan iaitu mesin-mesin yang digunakan dalam pelaksanaan kerja-kerja di lapangan. Sejumlah hampir 53 aset mudah alih baru yang telah diperolehi oleh jabatan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Kebanyakkan aset yang baru diperolehi adalah dari jenis mesin potong rumput dan juga blower. Ini adalah selaras dengan perkhidmatan Kerja Pembersihan Awam yang dilakukan secara 'in-house' tanpa menggunakan kontraktor lagi. Selain itu, penyelarasan tugas-tugas pemotongan rumput di antara jabatan dengan Jabatan Landskap juga telah mewujudkan keperluan untuk pembelian mesin baru pada tahun 2016.

Unit Pembersihan

- Mengurus dan menjalankan aktiviti pembersihan am seperti pembersihan parit, longkang dan penyapuan jalan seluruh Seberang Perai
- Mengurus dan menjalankan aktiviti kutipan sampah di seluruh Seberang Perai
- Mengurus dan menyelaras aktiviti-aktiviti pemotongan rumput di taman-taman permainan awam.
- Menguatkuasa Undang-Undang Kecil MPSP dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan fungsi jabatan

Sebanyak 434,009 tan metrik sampah telah dilupuskan oleh MPSP sepanjang tahun 2016. Jumlah ini telah berkurang sebanyak 1.4% daripada 440,460 tan metrik pada tahun sebelumnya. Peratusan pengurangan ini adalah merupakan satu pencapaian yang baik memandangkan tren beratan sampah yang dilupuskan di Seberang Perai adalah menaik sejak tahun 2013.


Pecahan sampah mengikut kategori domestik dan sisa industri bagi tahun 2016 masing-masing adalah sebanyak 239,558 dan 194,451 tan metrik. Pengurangan sampah industri adalah kejayaan kepada kempen kesedaran dan pendidikan kitar semula yang ditumpukan kepada pemilik industri. Jabatan berharap dengan kewujudan Program Pengasingan Sisa di Punca pada tahun 2016 jumlah sampah domestik ini dapat dikurangkan pada tahun 2017.



**JUMLAH SAMPAH YANG DILUPUS MENGIKUT PECAHAN DOMESTIK
DAN INDUSTRI BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2016**

TAHUN	DOMESTIK	INDUSTRI	JUMLAH
2006	204,007	259,742	463,749
2007	212,760	277,939	490,699
2008	203,045	268,960	472,005
2009	207,629	220,933	428,562
2010	199,433	226,719	426,152
2011	212,644	189,022	401,667
2012	220,110	163,086	383,196
2013	230,728	196,978	427,706
2014	233,530	200,644	434,175
2015	235,771	204,689	440,460
2016	239,558	194,451	434,009

**TREN BERATAN SAMPAH YANG DIPROSSES UNTUK PELUPUSAN OLEH MPSP
TAHUN 2006-2016**



CLEANER, GREENER, HEALTHIER & SAFER PENANG

Kesedaran dalam kalangan warga Seberang Perai untuk turut serta memelihara kebersihan kawasan terus meningkat. Pada tahun 2016 jumlah permohonan peralatan gotong-royong yang diterima adalah sebanyak 539 berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 601(2015) dan 501(2014). Jumlah ini dijangka akan terus meningkat berikutan pelaksanaan sistem tempahan peralatan gotong royong secara on line yang meningkatkan kecekapan dalam penyampaian dan penyimpanan. Jumlah permohonan peralatan gotong royong yang tinggi diterima melibatkan kawasan bandar seperti Bagan, Bukit Mertajam dan Batu Kawan berbanding kawasan luar Bandar

**JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG MEMOHON BANTUAN PERALATAN
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DARI TAHUN 2011 HINGGA 2016**

TAHUN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
2011	17	21	29	29	61	11	28	6	19	39	11	22	293
2012	20	25	41	59	40	21	49	3	14	19	16	19	326
2013	11	21	24	9	9	44	21	4	18	33	32	24	250
2014	23	28	62	35	40	65	18	20	31	30	48	47	447
2015	43	28	48	44	74	72	5	27	45	94	88	33	601
2016	57	39	54	47	102	25	15	30	31	66	50	23	539

**JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG MEMOHON BANTUAN PERALATAN JABATAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI DEPOH PEMBERSIHAN TAHUN 2014-2016**

TAHUN	P41	P42	P43	P44	P45	P46		P47	JUMLAH
						JB	AM		
2014	34	52	86	63	51	65	17	79	447
2015	52	97	81	106	68	72	28	97	601
2016	60	84	77	92	61	45	43	77	539

Unit Ulasan Pelan

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan & kebenaran merancang) yang diterima melalui OSC
- Memproses permohonan sijil layak menduduki (OC/CCC)

**JUMLAH PERMOHONAN ULASAN PELAN YANG DITERIMA UNTUK DIULAS
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

TAHUN	OSC	OC/CCC
2010	73	
2011	81	
2012	91	
2013	261	17
2014	290	46
2015	315	20
2016	372	10

Tindakan penguatkuasaan yang berterusan bertujuan mendidik masyarakat untuk mematuhi undang-undang di samping memelihara keindahan dan kebersihan Seberang Perai.

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 2,173 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan pengurangan berbanding jumlah tahun 2015. Ini adalah dijangka disebabkan program pendidikan yang banyak dilakukan telah menyebabkan masyarakat Seberang Perai semakin mengikut peraturan yang telah ditetapkan

**JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ATAS KESALAHAN KEBERSIHAN OLEH
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK TAHUN 2014 HINGGA 2015**

TAHUN	2013	2014	2015	2016
JUMLAH KOMPAUN	968	2,906	3,547	2,173



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

www.mpsp.gov.my